Lapuran Dari Medan Dakwah.

Muhammad alRasyid

Nota Oleh : Ustaz AnnuarSalleh

Kematangan Seorang Du`ah

- Usia 40 adalah usia kematangan.
- Usia memahami hakikat kehidupan sebenar
  - Memahami bahawa Allah telah mengagihkan;
    - perasaan kasih sayang yang berbeza
    - Kesungguhan
    - Kekuatan hati dan jiwa
    - Akhlak
    - Sesama manusia dan juga du`ah.
  - Sebagaimana Allah mengagihkan rezki.
- Dia mula menyedari sebahagian rahsia hikmah Rabbani.
- Memahami bagaimana takdir Allah berlaku dan berlalu
- Memahami hubungan antara tardir baik dan buruk.
- Dia akhirnya memiliki neraca hati dan pemikiran yang bebas.

Pengajaran Pelbagai Pengalaman Hidup, Penelitian Pelbagai manusia, pemerhatian luas dan lama

- Menjadikan du`ah memiliki kefahaman baru yang tidak difahami generasi muda, malah tidak juga golongan yang hanya menceburi amal dakwah separuh jalan.
- Mereka Percaya Kepada:
  - Perlu meninggalkan sikap yang terlalu keras.
  - Impian yang sentimental
  - Peraturan yang beku
- Digantikan dengan:
  - Hati yang luas, lapang yang menerima semua golongan.
  - Menghulurkan tangan persahabatan, bukan telunjuk tuduhan
  - Menggunkan kaedah Sad alDzari`ah, bukan balas lidah dengan lidah.
- Mereka memahami kemuliaan mendahului Rahmah daripada marah.
- INILAH Hakikat Kehidupan : Tidak akan dihayatikannya melainkan golongan yang memahami

Realiti Manusia

- Ada yang Berani ada yang Mengalah
- Pemurah dan Berkira-kira
- Cerdik dan Lembab
- Berinovasi dan Pak Turut
- Berwawasan dan Tidak kisah
- Penyabar dan Pelatah
- Mereka, memenatkan dan ada yang menggembirakan
- Melelahkan dan menselesakan
- Mereka juga ada yang membantu dan ada yang meminta bantuan

Kewajiban Jiwa Du`ah

- Menampung semua golongan ini
- Membantu yang memerlukan agar mencapai kesempurnaan sifat ihsan
- Berlembut dengan golongan yang memiliki kemampuan terbatas dan mempunyai masalah yang memeningkan.
- Membantu mereka melepasi sempadan yang membelengu mereka.
- Mengambil kebaikan daripada golongan yang berilmu, berakhlak dan memuliakan mereka
- Yang benar dikatakan, benar dan yang salah dikatakan salah.
- Tarbiah adalah : Ta'lim dan Irsyad. (Ajar dan Tunjuk)
- Supaya mereka menjadi penyambung kepada generasi akan datang.(jika berjaya diubah)
  - Menjadi penyejuk mata, menggembirakan generasi terdahulu, membahagiakan mereka dengan sebab kejayaan mereka melalui Sunnah perjuangan generasi terdahulu.
  - Jika mereka tidak berubah, berhentilah dan didiklah yang lain

Du`ah Adalah Golongan Yang Di Kasihi Allah

- Abdul Qadir al-Kailani r.a. berkata : " Mereka terpilih dari kalangan keluarga dan zaman mereka; kefahaman mereka berbeza, identity mereka bercahaya, lalu mereka berbeza daripada yang lain, mereka zuhud daripada kebiasaan dan mereka berjalan dihadapan"
- Mereka adalah duah yang dikasihi Allah dan Allah memerintahkan malaikat menyeru kepada manusia bahawa Allah mengasihi mereka itu, maka kasihilah mereka.

Denyutan Nadi dan kerlipan Cahaya Rohani

- Satu sifat lain ianya tidak mudah diperolehi, kerana keperibadian du`ah adalah satu anugerah Allah Taala.
- Allah mengurniakannya kepada sesiapa yang diInginkanNya menjadi manusia yang dikasihi manusia lain.
- Kelihatan manusia dan du`ah saling menjauhi antara satu sama lain.
- Kelihatan tindakan duah, akhlaknya dan zauqnya terlalu halus walaupun mereka kelihatan hidup susah yang tidak disanggupi jiwa memandangnya sehingga tidak berbeza dengan orang lain namun niat mereka membezakan mereka dengan orang lain.
- Kamu boleh membezakan du`ah dengan orang awam sama ada dia berkata-kata sesuatu atau tidak.
- Berbeza dengan orang lain, walaupun mereka menghafaz kata-kata Imam al-Banna kerana akan terserlah kepelikan dan kepuraa-puraan.

Kisah Degupan Rohani

- Kisah melawat bandar dan bertemu pemuda sefikrah

Makna Du`ah

- Ia tidak boleh di jelaskan oleh buku walaupun lafaz maknanjya diketahui.
- Ia adalah hakikat yang halus : " Roh yang berjalan dalam ummah"
- Roh ada degupan
- Atau ada sifat dan nyawa
- Ada zauq dan keturunan
- Yang difahami melalui hidup bersama mereka.
- Tulisan Abbas As Sisi

Rahsia Jiwa Du`ah

- Hubungan Rohani, saling merasai.
- Menghalang golongan yang berniat jahat menyelinap.
- Watak mereka dikenali sesama mereka.
  - Rahsia pada wajah mereka
  - Lantunan nada suara mereka
  - Kesetiaan mereka yang unggul adalah kunci rahsia mereka
  - Sinar mata mereka adalah lessen memandu mereka.
- Jika ada mereka yang telah dipersaudarakan sesama mereka waktu muda, dan tertewas oleh syahwat dunia Mereka umpama seorang yang bersalah yang bertakwa.
- Mereka mungkin malu untuk kembali tetapi menghantar anak-anak mereka untuk menegmbalikan sejarah perjuangan mereka.

Rezki Yang Suci Untuk Hati yang Tinggi

- Allah membalas hambanya mengikut niat mereka.
- Balasan orang berbuat baik daripada Allah adalah kebaikan, rezki, kemudahan, ketenangan pemikiran dan kebahagiaan jiwa.
- Apabila sesorang berusaha Allah akan gantikan kebaikan kepada mereka di dunia lagi.
- Kisah Ikhwah Tafarrugh.
  - Ada Phd Universiti Amarika layak bekerja di Teluk tetapi memilih berdakwah di kawasan yang tiada du`ah.
  - Ada yang mendapat tawaran kerja di Manama Beliau memilih berjuang di Pesyawar dan pendapatannya tidak mengecewakan
  - Ada dua orang du`ah tafarrugk untuk dakwah di Khurasan, Akhirnya pendapatan mereka melebihi 3 bulan gaji pensyarah university.
- Bukti kukuh bahawa rezki tidak bergantung dengan tempat.
- Bukti juga Barat bukan tempat ganti kehidupan.
- Hasal alBasri berkata: " Ada satu golongan yang jika mereka ingin mengambil harta yang diberikan adalah halal tetapi mereka menolak dan berkata: "Kami bimbang dengan mengambilnya akan merosakkan hati kami"
- "Qanaah dengan kadar yang mencukupi, meninggalkan mengintai kelebihan adalah Asas segala asas" Ibn Jauzi
- "Kemuliaan adalah nikmat paling lazat dan bebas daripada ikatan bergantung kepada pemberian walau terpaksa menyapu debu lebih afdhal" Ibn jauzi

Guru Zuhud

- Du`ah daripada keluarga mewah: Pendapatannya 1000 Dinar halal, hijrah bersama mujahidin.
  - Walau didesak meninggalkan hidup susah, beliau memilih hidup murabitun.
  - Inilah sifat itsar jalan akhirat yang suci, kemanisannya hanya dirasai oleh jiwa yang merdeka.
  - " Seorang yang merdeka di dunia, hidup untuk saudaranya bukan untuk dirinya".
- Seorang duah meninggalkan Mosul, berjalan kaki melepasi 30 buah gunung untuk hidup bersama Mujahidin dan mendidik mereka di sebalik Kabul.
  - Berkahwin disana, mengajar asas-asas dakwah dan fikrah, mengutus surat meminta ikhwan menghantar buku2, senjata dan peluru untuk terus mendidik.
- Mereka berdua mendidik makna zuhud syarie.
- Zuhud duah dalam kapal dakwah merempuh lautan amal adalah jihad sebenar.

Kisah Perlumbaan Generasi Unggul

- Pemuda Iraq : Berkahwin balu syuhada beranak 4, mendidik mereka mazhab bermaruah.
- Ketua NGO di muktamar sanawi: berkhidmat sebagai penyambut tetamu, memikul bagasi kebilik tetamunya, menayakan segala keperluan mereka dan menunaikannya sehingga kepenatan.
- Duah yang menginfaq puluhan juta untuk amal kebajikan dan dia masih tinggal dirumahnya yang lama. Apabila di datangi tetamu dia membawa talam hidangan diatas kepalanya melayan tetamunya
- Para duah lain tidak mengenalinya; beliau seorang yang bijak, memendamkan kemarahan dan pemaaf.

Tetapi Sebaliknya..

- Cepat kecewa, merajuk : Tidak layak menjadi sifat du`ah.
  - Setiap duah tidak lari daripada tersilap, tidak terlepas daripada tabiat kelemahan manusia, tidak patut terasa apabila ditegur satu atau dua kalimah.
  - Kehidupan hari ini terlalu banyak persaingan.
    - (Ikhwan yang imigran perlu sabar, bukan senang ikhwan setempat menyelesaikan masalah mereka. Berbaik sangkalah, jika tidak dapat jawatan atau pekerjaan yang sesuai hendaklah bertawadhuk, bekerjalah apa yang boleh walau terpaksa manjadi buruh dan behujan panas.
  - Berhijrah kerana Allah, maka tidaklah aib orang yang berhijrah memahami reality dan menerimanya
  - Jika terlibat bersama ikhwan dalam perniagaan, hendaklah memahami bahawa perniagaan ada kalanya rugi dan kehilangan modal.
  - Jangan kecewa jika pasangannya ada kelemahan, bersabar tanpa menyebarkan aduan lebih bermaruah, buatlah amal soleh yang membawanya kesyurga dan menantikan pasangan yang lebih baik di sana.
  - Ada yang meninggalkan amal-amal dakwah kerana kesibukan kerja mencari nafkah.
  - Ada yang menyebabkan liqa perlu ditangguhkan tanpa memahami keutamaan
  - Adapula yang jiwa suci, menjadi ketua lujnah, atau maslahah dan bawah pimpinannya ada yang pandai bercakap, berlebih-lebihan lalu duah ikut pandangan orang bawahnya tanpa kesungguhan.
  - Ada yang lain tidak sabar dengan sikap saudaranya, sehingga terlalu ketat, menilai satu persatu tanpa memahami makna tarbiah secara tenang dan istiab.

Sebab Kami Berterusterang

- Untuk menjelaskan rahsia jiwa manusia.
- Mengharapkan amal dilakukan secra itqan
- Sepatutnya kita mencapai standard kesempurnaan
- Kita sedar selemah-lemah duah, adalah yang terbaik dikalangan orang awam yang terbaik.

Di Pasar, Barang Yang Murah ada pelanggannya

- Ada Du`ah memilih melakukan kesilapan.
  - Seorang du`ah yang belum pernah menghabiskan semua hartanya dalam perniagaan tidak layak mengajak orang lain melabur bersamanya.
    - Perniagaan memerlukan pengalaman dan kesedaran.
    - Jika perniagaan itu rugi, yang pertama rugi adalah dakwah. Apabila saling mencela, keruh perasaan dan timbul keraguan.
  - Perkahwinan : Hubungan lama, berasaskan reda. Jika perlu bersabar tanpa rela, amat memeritkan.
    - Janganlah kita mengambil mudah dalam memasang pasangan perkahwinan.
    - Perlu mesyuarat dengan tenang tanpa bising2.
    - Utamakan kekufuan kekeluargaan, kelulusan, biah dan mengambil tahu tabiat dan kebiasaan.
    - Bukan sekadar solat, afaf dan hijab sahaja sebagai bukti pasangan itu bersesuaian.

Sambungan

- Jangan kerana semangat, beliau mencadangkan seorang ikhwah untuk bekerja dimana-mana tempat sedangkan dia tahu kelemahannya dalam bidang yang diperlukan.
- Yang lain, berkahwin dengan pasangan yang tidak dikenali ikhwah yang lain tanpa bersyura, lalu membebankan urusan dakwah mereka.
- Ada yang terlalu mengabaikan anak-anak, tidak mendidik mereka menjaga kebersihan, menghormati sesama yang lain, tidak mendidik bersalam-salaman, memuliakan tetamu, menjaga lidah dan merosakkan barang rumah yang dikunjungi.
- Ada yang berlebihan dalam mendisiplinkan anak-anak. Memaksa anak-anak kecil beribadah, mengejutkan mereka solat subuh, brhijab sehingga timbul perasaan benci kepada solat, hijab dan menjadi seorang yang melawan ketika remaja.

Sambungan

- Allah Menutup Keaiban dan suka keaiban ditutup. Allah suka apabila hambanya melihat keburukan saudarannya dia menutupnya.
  - Inilah akhlak du`ah
  - Kadangkala syaitan berjaya mengalahkan saudaranya dan keburukan itu bukan tabiatnya.
  - Du`ah tidak suka menyebarkan keburukan orang lain.
- Setiap orang memahami kelemahan dirinya.
  - Jangan sambung belajar jika tidak mampu sehingga membebankan saudaranya dan menyebabkan kerja-kerja dakwah terbengkalai.
- Jangan terjebak dalam perrniagaan hingga mengabaikan tugasan dakwah.
- Jangan mudah menggunakan masa dan tenaga ikhwan untuk urusan peribadinya.
  - Urusan immigration
  - Mencari orang tengah untuk urusan perniagaan dan mendampingi menteri
- Jangan terlalu suka bergelak ketawa
- Tidak terlalu meneliti kesilapan kecil saudaranya.
- Jangan terlalu bersemangat membantu urusan saudaranya tetapi tidak berdisiplin.

janganlah teori amal jamaie ditutup oleh nafsu.

- Taat kita berasaskan manhaj.
- Berlebihan dalam taat sehingga mengabaikan kewarasan pemikiran bukan akhlak duah.
  - "Jika pendapatnya tidak betul, tentu beliau tidak bercakap begitu"
  - "Tidak mungkin dia terlepas pandang".
- Fiqh Dakwah mengajar kita supaya berbincang dengan baik.
- Mengira ada kelemahannya daripada bersifat maksum.
- Kita perlu mengemukakan pendapat kita dengan beradab.
- Setelah itu kita mentaati dengan kefahaman.
- Pemimpin yang bertaqwa akan memahami bahawa pengikut yang bertaqlid tidak akan mampu membina tamaddun.
  - Sebagaimana taksub pengikut sufi kepada syaikhnya.
- Duah perlu berbincang dan mendapat pandangan saudaranya.

Sambungan

- Du`ah yang soleh adalh golongan ahli zikir.
- Lembut jiwanya dan suci sehingga memenuhi perasaannya, menjadikannya seorang yang berkasih sayang dan memaafkan saudaranya sehinga tidak sanggup menasihati mereka dengan bahasa yang kesat.
- Dia tidak melihat sesuai untuk menghukum kepada yang bersalah.
- Menyelesaikan semua maslalah dengan berjabat tangan dan berpelukan
- Begitu juga dalam menguruskan urusan dakwah, tidak seperti kerja pejabat yang kering, kaku, tiada senyuman, lurus bendul tanpa berani takwil, pengikut apa yang tertulis dan tidak berfikir, tidak menerima keuzuran, tidak ada pengecualian sebaliknya semuanya berasaskan jadual, istilah2 dan peratusan KPI.
- Yang Lain tidak kisah apapun berlaku. Jika saudaranya dalam musafir, dalam keadaan kesusahan. Dia tetap mengira seperti keadaan biasa.

Ciri-ciri dibawah taraf

- Taraddud
- Tidak responsive
- Banyak kritik
- Suka mengadu dan bising
- Tidak menepati masa.

Idea dan Akhlak dan Zauq yang Baik

- Kebersihan
- Adab meraikan tetamu
- Ziarah
- Salam
- Meminang dan Perkahwinan
- Menggunakan kenderaan
- Mengguna telefon
- Di masjid
- Bahasa
- Dewan makan dan pasar
- Meminjam buku
- Di negara Eropah

Pemberian

- Membaca buku2 akhlak iman
- Membaca buku syair
- Bersosial dengan golongan mulia, berakhlak

Kita Pencipta kehidupan